

MINIT MESYUARAT MySyL BIL 1/2014

MINIT MESYUARAT PUSTAKAWAN SISTEM MAKLUMAT MALAYSIA (MySyL) BIL 1/2014

Tarikh : 27 Mac 2014
Hari : Khamis
Masa : 9.00 pagi - 2.00 petang
Tempat : Perpustakaan Universiti Tenaga Nasional, (UNITEN) Bangi

Hadir:

Cik Sarifah Abdullah (UIAM) -Pengerusi
En. Salleh Hudin Mustafa (UUM)
En. Hazmir Hj. Zainal (UKM)
En. Md. Hafiz Ahmad Zulkifli (UKM)
En. Mohd Izwan Salim (UiTM)
En. Norkamarizal Kamarudin (MMU)
En. Khairul Asyrani Sulaiman (UPSI)
En. Mohd Najib Abdullah (UPNM)
En. Ahmad Faisal Ishak (UTHM)
En. Mohd Afiq Rusly (OUM)
En. Mohd Kamal Mohd Yusoff (UniKL)
En. Amirul Firdaus Zilah (UMK)
En. Dzulhaile M. Bakri (UniMAP)
En. Mohd Asmawi Abdul Rahman (UMT)
En. Mohd Azizul Hakin (UIAM)
Pn. Anna Michael (UMS)
Pn. Noor Azlinda Wan Jan (USM)
Pn. Wan Irma Wan Hamat (UNITEN)
Pn. Azizatul Noor Aizuddin (UNITEN)
Pn. Haslina Nasir (UTM)
Pn. Zanaria Saupi Udin (UM)
Pn. Korina Ibrahim (UNIMAS)
Pn. Rozana Kamdani (USIM)
Cik Zuraidah Darus (UUM)
Cik Sharifah Fahimah Saiyed Yeop (UTP)
En. Muizzudin Kaspol (UPM) -Setiausaha

Tidak Hadir:

En. Shaifol Yazam Mat (UPM)
Pn. Nurul Akmar Mehat (UTeM)
Pn. Rosnorzaini Rusli (UniSZA)
Cik Amelia Hasan (UMP)

MINIT MESYUARAT MySyL BIL 1/2014

Bil. Minit	Perkara	Tindakan	Tarikh
MINIT 1.0	UCAPAN ALUAN		
	<p>Pengerusi memulakan mesyuarat dengan bacaan Surah Al-Fatihah.</p> <p>En. Sazali Bin Sulaiman, Ketua Pustakawan, Perpustakaan Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), memberi ucapan aluan serta mengalu-alukan kedatangan Pustakawan / Pegawai Sistem ke Mesyuarat MySyL Bil 1/2014.</p>	Makluman	
MINIT 2.0	PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MySyL 3/2013		
	Wakil UiTM mencadangkan supaya Minit Mesyuarat MySyL Bil. 3/2013 disahkan dan disokong oleh wakil MMU tanpa sebarang pindaan.	Makluman	
MINIT 3.0	PERKARA BERBANGKIT		
3.1	Laporan Portal MyUniNet, MyTO dan MyULIS		
3.1.1	<p>Laporan Portal MyUniNet. Mesyuarat telah dimaklumkan mengenai Portal MyUniNet dan memohon agar dapat memasukkan pautan Portal MyUniNet http://perpun.upm.edu.my ke portal ini di dalam lama web perpustakaan universiti masing-masing.</p>	Makluman	
3.1.2	<p>Laporan Portal MyTO</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mesyuarat dimaklumkan bahawa:- <ul style="list-style-type: none"> i. Sehingga 26 Mac 2014, sebanyak 54,684 rekod tesis telah di muat naik ke portal MyTO. Rujuk senarai rekod tesis di lampiran 1. ii. Berkenaan dengan masalah fungsi "Back" di Portal MyTO pada enjin carian (browser) yang tidak dapat digunakan, mesyuarat disarankan supaya menggunakan butang "previous" untuk kembali semula pada paparan carian bahan seperti yang tertera pada setiap paparan keputusan carian di Portal MyTO. iii. Masalah untuk akses kepada paparan 	Makluman	

MINIT MESYUARAT MySyL BIL 1/2014

	<p>admin dan login kepada portal telah dibaiki dengan menukar URL link paparan admin. Mesyuarat juga dimaklumkan supaya melaporkan sebarang permasalahan mengenai Portal ini terus kepada wakil UPM</p> <p>iv. Mesyuarat turut disarankan supaya sentiasa mengemaskini data tesis di Portal MyTO dan sebolehnya dimasukkan URL link (Back link) ke repositori universiti masing-masing, ianya penting untuk meningkatkan jumlah penggunaan dan paparan pada portal ini, seterusnya meningkatkan statistik akses dan paparan ke repositori universiti.</p> <p>v. Mesyuarat di maklumkan bahawa telah dipersetujui setiap perpustakaan untuk mengemaskini data sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun (Januari, April, Julai dan Oktober).</p> <p>vi. Mesyuarat juga dimaklumkan mengenai kaedah serta prosedur penghantaran dan penerimaan tesis dari pusat pengajian siswazah ke perpustakaan. Ahli mesyuarat diminta untuk membentangkan maklumat ini pada mesyuarat akan datang.</p> <p>3.1.3 Laporan Portal MyULIS</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mesyuarat telah dimaklumkan bahawa: <ul style="list-style-type: none"> i. Sehingga 26 Mac 2014, sebanyak 18,822 rekod tesis telah di muat naik ke portal MyULIS. Rujuk senarai rekod bahan terbitan bersiri di lampiran 1. ii. Ahli mesyuarat diminta untuk menghantar rekod bahan terbitan bersiri bagi bahan-bahan yang mempunyai ISSN dan tiada ISSN (ISSN, Tajuk, dan penerbit) untuk kepada pentadbir portal MyULIS iii. Berkenaan data bahan terbitan bersiri yang tiada ISSN, mesyuarat bersetuju supaya perkara ini dirujuk kepada pihak MOLEC. 	<p style="text-align: center;">Makluman</p> <p style="text-align: center;">Makluman</p> <p style="text-align: center;">Makluman</p> <p style="text-align: center;">Makluman</p> <p style="text-align: center;">Makluman</p> <p style="text-align: center;">Makluman</p> <p style="text-align: center;">Setiausaha</p>	
--	---	---	--

MINIT MESYUARAT MySyL BIL 1/2014

	<p>iv. Mesyuarat bersetuju sekiranya terdapat data yang mempunyai ISSN yang sama tetapi judul yang berbeza atau telah berubah, maklumat ini perlu dimasukkan pada ruangan nota di dalam metadata Portal MyULIS.</p> <p>3.2 Laporan MyUShare</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mesyuarat dimaklumkan bahawa; <ol style="list-style-type: none"> i. Masalah untuk mengakses portal MyUShare telah dibetulkan, masalah ini berlaku disebabkan terdapat “loophole” pada sistem aplikasi tersebut. ii. Portal ini telah berfungsi seperti semula dan semua ahli mesyuarat diminta untuk menukar password masing-masing untuk tujuan keselamatan data. iii. Mesyuarat bersetuju supaya sesi taklimat dan latihan penggunaan Portal MyUShare diberikan kepada staf yang bertanggungjawab untuk urusan Pinjaman Antara Perpustakaan (PAP) di perpustakaan masing-masing. iv. Mesyuarat bersetuju untuk mengadakan 1 bengkel latihan berkaitan portal MyUShare ini diberikan kepada staf yang terlibat dalam proses PAP dan pengerusi meminta supaya system ini dapat berfungsi dan digunakan dalam urusan pinjaman antara perpustakaan dengan kadar segera. <p>3.3 Laporan MALCat</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mesyuarat dimaklumkan bahawa; <ol style="list-style-type: none"> i. Sehingga kini 4,924,899 rekod yang telah dimuat naik ke sistem MALCat. ii. Mesyuarat telah bersetuju untuk menghantar data MARC bagi setiap 3 bulan sekali iaitu pada setiap bulan Januari, April, Julai dan Oktober. iii. Sistem MALCat ini telah membuat proses “harvesting” data pada setiap repositori yang menggunakan 	<p style="text-align: center;">Makluman</p> <p style="text-align: center;">Makluman</p> <p style="text-align: center;">Makluman</p> <p style="text-align: center;">Makluman</p> <p style="text-align: center;">Makluman</p> <p style="text-align: center;">Makluman</p> <p style="text-align: center;">Makluman</p> <p style="text-align: center;">Makluman</p>	
--	---	---	--

MINIT MESYUARAT MySyL BIL 1/2014

	<p>platform EPrints melalui protocol “OAI-PMH”. Ini membolehkan setiap pengguna membuat carian bibliografi rekod katalog dan carian di repository institusi setiap universiti.</p> <p>iv. Modul “Upload MARC” juga telah dibina pada sistem MALCat, bertujuan untuk memudahkan proses data dimuatnaik ke sistem. Wakil UUM akan memberikan “username” dan “password” kepada setiap ahli mesyuarat.</p> <p>v. Mesyuarat juga bersetuju supaya membenarkan data bibliografi setiap perpustakaan diberikan kepada Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) untuk kegunaan Katalog Induk Kebangsaan (KIK).</p>	<p style="text-align: center;">Makluman</p> <p style="text-align: center;">Makluman/UUM</p> <p style="text-align: center;">Makluman</p>	
MINIT 4.0	HAL-HAL LAIN		
4.1	<p>Sistem EPrints</p> <ul style="list-style-type: none"> • Wakil UUM menerangkan mengenai dua fungsi tambahan pada sistem EPrints, Fungsi MEPrints dan Altmetrics. Kedua-dua fungsi ini dapat membantu menerangkan mengenai profile pensyarah dan jumlah “citation” bahan. 	Makluman	
4.2	<p>Sistem i-Quest</p> <ul style="list-style-type: none"> • Wakil UKM memaklumkan kepada mesyuarat mengenai sistem i-Quest. Sistem ini telah dibangunkan oleh Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia. • iQuest adalah pendekatan perpustakaan untuk menaik taraf sistem berasaskan web semasa yang dikenali sebagai eKlik yang telah menukar perkhidmatan yang memerlukan pengguna untuk mengisi borang kertas kepada sistem online. • iQuest merupakan satu usaha untuk memperbaiki sistem permintaan perpustakaan semasa untuk menjadi lebih cekap dan berkesan manakala memenuhi keperluan pelanggan. 	Makluman	

MINIT MESYUARAT MySyL BIL 1/2014

4.3	Penangguhan Mesyuarat Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.15 tengahari.	Makluman	
------------	---	----------	--

Disediakan oleh :

Muizzudin Kaspol
Setiausaha

Disahkan oleh:

Sarifah Abdullah
Pengerusi